



**SIARAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PEMBAYARAN PENCEN PERKHIDMATAN DAN PENCEN TURUNAN SECARA TUNAI  
BAGI BULAN JANUARI 2021**

**Tarikh: 26hb Januari 2021**

1. Sukacita memaklumkan bahawa tarikh pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan bagi bulan Januari 2021 adalah pada **hari Khamis, 28hb Januari 2021** bermula pada jam **7.15 pagi hingga 3.30 petang** di tempat-tempat berikut:
  - 1.1 Bagi Daerah Brunei Muara, pembayaran Pencen Perkhidmatan akan dibuat di Kaunter Bahagian Hasil, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
  - 1.2 Bagi Daerah Brunei Muara, pembayaran Pencen Turunan (balu dan tanggungan) adalah di Kaunter Pembayaran, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi; dan
  - 1.3 Manakala bagi Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong, pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan (balu dan tanggungan) akan dibuat di kaunter cawangan-cawangan Jabatan Perbendaharaan di daerah-daerah berkenaan.
2. Pembayaran pencen pada hari-hari berikutnya bagi Daerah Brunei Muara akan dibuat di Kaunter Pembayaran, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Manakala bagi Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong, pembayaran akan dibuat di Kaunter cawangan-cawangan Jabatan Perbendaharaan di daerah-daerah berkenaan. Pembayaran pencen ini akan dibuat selama **10 hari waktu bekerja** pada jam **8.00 pagi hingga 11.30 pagi** dan **1.30 petang hingga 3.30 petang**.



3. Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sekali lagi ingin menyarankan agar para penerima yang mempunyai akaun bank tetapi belum mendaftarkannya ke Jabatan Perbendaharaan untuk membawa bersama salinan kad akaun bank berkenaan untuk proses pembayaran pencen bagi bulan berikutnya.
4. Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga memohon kerjasama penerima-penerima untuk mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa serta nasihat-nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk tidak datang secara berkumpulan, dan seterusnya untuk bersurai setelah urusan selesai.
5. Jika ada sebarang pertanyaan ke atas tatacara pembayaran yang dimaksudkan, para penerima bolehlah menghubungi talian-talian yang telah disediakan iaitu 2380822/2383469.

**Jabatan Perbendaharaan**

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**